



01 OCT, 2025

Hati-hati produk elektrik yang berbahaya

Utusan Malaysia, Malaysia



Hati-hati produk elektrik yang berbahaya

SEBAGAI bekas jurutera elektrik, produk elektrik yang berbahaya untuk pengguna biasanya merujuk kepada barangan yang: Tidak ikut piawaian keselamatan (SIRIM atau Suruhanjaya Tenaga di Malaysia)
Contoh: *Adapter, extension plug*, atau pengecas murah tanpa cop SIRIM.

Boleh menyebabkan renjatan elektrik atau kebakaran

Contoh: *Extension plug octopus* (banyak cabang) yang mudah terbakar.

- Pengecas telefon tiruan (kualiti rendah).
- Pemanas air tanpa ELCB (*Earth Leakage Circuit Breaker*).
- Peralatan dengan wayar terdedah / rosak

Mudah panas melampau (*overheating*)
Contoh: Periuk nasi murah yang tiada kawalan suhu betul.

- Cerek elektrik tanpa auto *cut-off*.
- Seterika lama tanpa kawalan suhu moden.

Menggunakan bateri lithium-ion yang tidak berkualiti
Contoh:

- Powerbank tiruan.
- Vape / e-rokok murah.
- Mainan elektrik murah yang boleh meletup.

Produk elektrik terpakai/ubah suai sendiri
• Contoh: Barang elektronik lama yang sudah reput, wayar haus, atau dibaiki tidak ikut standard.

NURUL MOHD.
Jalan Besar, Klang, Selangor